




---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN  
PEKERJA**

**KOD KURSUS : DSM 2143**

**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**


1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (60 Markah)
  - BAHAGIAN B (40 Markah)
  
2. Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan dan Bahagian B mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pengurus Sumber Manusia perlu bijak merancang secara terperinci untuk mengambil dan memilih calon yang berkecualan bagi mengisi kekosongan jawatan dalam organisasi. Nyatakan **empat (4)** kesan sekiranya pengurus sumber manusia gagal menjalankan perekrutan dengan baik?

(4 markah)

**SOALAN 2**

Syarikat Kayu Jati Shahzwan berdepan dengan masalah kekurangan pekerja yang sangat tinggi. Selaku majikan, Encik Shahzwan telah mengarahkan Pengurus Sumber Manusia syarikatnya untuk menyediakan laporan yang menyebabkan berlakunya kekurangan pekerja dalam syarikatnya. Bolehkah anda jelaskan **tiga (3)** tindakan yang akan dilakukan oleh Encik Syazwan bagi menyelesaikan masalah kekurangan pekerja.

(9 markah)

**SOALAN 3**

Berdasarkan pengalaman anda, kaitkan **lima (5)** kaedah pengurangan jam bekerja yang boleh menangani masalah lebihan sumber manusia?

(5 markah)

**SOALAN 4**

- a. Terdapat pelbagai teknik untuk mengumpulkan data analisis kerja. Bandingkan perbezaan di antara kaedah pemerhatian dan kaedah buku rekod harian.  
(6 markah)
- b. Pada pandangan anda, mengapakah analisis keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu dilakukan dalam organisasi?  
(6 markah)

**SOALAN 5**

Temuduga merupakan kaedah yang biasa dilakukan dalam perekrutan di mana pengurus akan menemubual bakal pekerja yang telah memohon sesuatu jawatan. Bincangkan secara ringkas **empat (4)** jenis kaedah temu duga.  
(12 markah)

**SOALAN 6**

- a. Senaraikan **empat (4)** kaedah yang akan digunakan oleh penemu duga untuk menyiasat pekerja yang layak diambil bekerja melalui majikan terdahulu?  
(4 markah)
- b. Anda dan beberapa orang pengurus dari jabatan lain terlibat dalam mengendalikan temu duga bagi pengambilan pekerja baru pada minggu hadapan di syarikat anda. Jelaskan **tujuh (7)** kesilapan yang sering dilakukan oleh penemu duga semasa sesi temu duga dijalankan.  
(14 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Sebagai Eksekutif Sumber Manusia, cadangkan langkah-langkah yang akan anda lakukan dalam proses Perancangan Sumber Manusia.

(15 markah)

**SOALAN 2**

a. Encik Nefli telah ditugaskan oleh majikan beliau untuk mengambil pekerja dari sumber perekrutan luaran bagi memenuhi keperluan guna tenaga di organisasinya. Apakah **lima (5)** kebaikan sumber perekrutan luaran.

(5 markah)

b. Anda diminta untuk membuat satu iklan jawatan kosong yang akan diiklankan di dalam akhbar Harian Metro.

(15 markah)

**SOALAN 3**

Anda diminta untuk mencadangkan **lima (5)** beberapa syarat pekerjaan yang biasa dilakukan oleh organisasi apabila membuat tawaran pekerjaan kepada pekerja.

(5 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

